

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 OKTOBER 2013 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Shining a light on innovation	The Star
2.	Ekspo Inovasi Islam di Stadium Tertutup Nilai	Berita Harian
3.	Sidang di Johor capai matlamat	Berita Harian
4.	R&D perlu jadi teras majukan bioteknologi	Berita Harian
5.	BiotechCorp jangka terima satu lagi pelaburan	Berita Harian
6.	Rosmah dahului senarai penerima darjah kebesaran Pahang	Bername Online
7.	643 terima darjah, pingat Pahang	Berita Harian
8.	Parket sabut kelapa alternatif kemasan lantai	Berita Harian
9.	Teknologi navigasi untuk OKU penglihatan	Berita Harian
10.	Pembudayaan sains dan inovasi	Utusan Online

Shining a light on innovation

Forum aims to provide an avenue for challenges to be addressed and solutions proposed

YAYASAN Inovasi Malaysia (YIM) hopes that the Government would focus more on grassroots innovators in order for Malaysia to achieve developed nation status by 2020.

YIM chief executive officer Dr Mazalan Khamis said some local innovators and entrepreneurs discovered through their *Jejak Inovasi* programme had received global recognition.

"We discovered an entrepreneur in Sabah who makes saxophones from bamboo.

"His talent was showcased to various stakeholders and now his instruments are in demand with collectors from Europe," Mazalan said.

One key platform for such talents to showcase their skills is the upcoming World Innovation Forum-Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL 2013).



Held for the second consecutive year, WIF-KL, which is jointly organised by Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) and YIM, aspires to create a new culture of innovation by bringing together policy-makers, strategists, academicians and thinkers from around the world to discuss challenges and roadmaps in gearing for an innovation-driven economy in the near future.

Aptly themed, "The Future We Desire", WIF-KL 2013, which will be held from Nov 12 to 14 in the Kuala Lumpur Convention Centre, is a collaborative effort to provide a platform for all key stakehold-

ers including industry, grassroots innovators and the public, to deliberate, network and produce tangible outcomes.

The forum aims to serve as more than just a platform to generate ideas, and instead provides an avenue for innovation challenges to be addressed and tangible solutions to be proposed, setting the direction for future developments.

"WIF-KL 2013 aspires to generate revolutionary ideas towards attaining sustainability in science and technology. It is a platform that goes beyond invention and generating ideas.

"It is a platform that brings people from different segments and sectors together and attempts to create the coordinates for us to move towards our desired future," Mazalan said.

One of the key highlights at

the forum will be the "iLabs" or Innovation Labs, which will encompass six key sectors – housing, infrastructure, transportation, environment, education and government – with a focus on "Future City: Innovation Challenges".

The iLabs will function as "think tanks" to share and discuss current innovation challenges, as well as brainstorm tangible solutions.

The event will also showcase a wide range of innovations such as grassroots product innovation, education, research, commercialisation and integration of innovation to propel the region towards a high-income advanced economy.

WIF-KL 2013 will also feature several satellite events such as *Bengkel Jejak Perdana 2013* and the Asian and Pacific Centre for Transfer of Technology (APCTT) technical committee meeting.

Following the success of the inaugural forum last year, the organisers expect to see about 1,500 delegates from more than 25 countries, and more than 10,000 visitors.

WIF-KL 2013 is open to the public and priced at RM1,400 per adult, with early-bird passes available at RM1,200.

Among the key target groups of the forum are students, who are future leaders and innovators.

In line with the government's efforts to encourage innovative thinking in the young, students' passes for the forum are priced at RM500 each.

Among the activities during the WIF-KL 2013 that would appeal to students and youths are the satellite sessions on Let's Innovate Together 1CATS, YIM Ideation @ School Club Innovation Toolkit 2013 and KRUAcademy.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 24 OKTOBER 2013 (KHAMIS)



“
Kita mengalu-alukan
kehadiran golongan
OKU dalam pameran
dan karnival ini”

Asma Ismail,
Naib Canselor USIM

Ekspo Inovasi Islam di Stadium Tertutup Nilai

Nilai: Ekspo Inovasi Islam ke-4 2013 (i-Inova'13) yang bakal berlangsung selama tiga hari bermula esok menjanjikan kelainan dengan pengisian padat dan menarik kepada pengunjung tahun ini.

Dengan aktiviti berfokus inovasi Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selaku penganjur bersama Akademi Sains Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM), Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yakin mampu menarik lebih ramai pengunjung dalam ekspo kali ini.

Berlangsung di Stadium Tertutup Nilai, penganjuran i-Inova'13 bertujuan menggalakkan penciptaan produk inovasi Islam dalam kala-

ngan penyelidik institusi pengajian tinggi (IPT) bagi memenuhi keperluan persekitaran dan teknologi terkini.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata ekspo turut menjadi pentas memperkenalkan inovasi Islam selain memberi peluang kepada masyarakat memahami dan memanfaatkan inovasi berkenaan.

Katanya, ekspo juga diharapkan mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan produk inovasi Islam, sekali gus menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan penyelidik serta pelajar untuk menyumbang ke arah pembangunan ummah.

Inovasi khusus

"Antara yang menarik kali ini ialah pameran inovasi khusus untuk orang kelainan upaya (OKU) yang sebelum ini jarang diketengahkan penyelidik selain karnival dan bengkel OKU yang memberikan peluang kepada orang awam mendekati dan bermesra dengan golongan itu.

"Kita mengalu-alukan kehadiran golongan OKU dalam pameran dan karnival ini bagi melihat dan mencuba sendiri produk yang dihasilkan," katanya.

Beliau berkata, turut diadakan ialah Seminar Kreativiti dan Inovasi yang menyaksikan pelbagai kertas kerja dibentangkan merangkumi

pelbagai topik berkaitan inovasi Islam oleh pembentang tempatan dan luar negara.

Sepanjang ekspo, katanya, pelbagai inovasi mengikut tema seperti sains gunaan dan tulen, teknologi dan kejuruteraan, sains kesihatan, sains alam dan warisan, ICT serta seni dan aplikasi seni akan dipamerkan kepada pengunjung.

Majlis perasmian i-Inova'13 akan disempurnakan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud yang juga Canselor USIM pada 26 Oktober ini, manakala penutup oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, keesokannya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 24 OKTOBER 2013 (KHAMIS)

PERSIDANGAN BIOMALAYSIA DAN BIOEKONOMI ASIA PASIFIK 2013

Sidang di Johor capai matlamat

» Tarik lebih
5,000
pengunjung,
200 jalinan
perniagaan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

► Johor Bahru

Persidangan dan Pameran BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2013 yang berakhir semalam menarik lebih 5,000 pengunjung, selain menyaksikan lebih 200 jalinan perniagaan membabitkan pelbagai syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Biotech Corporation (BiotechCorp), Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata persidangan kali pertama dianjurkan di Johor itu disifatkan berjaya dan



Pelajar mengunjungi pameran BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2013 di Persada, Johor Bahru yang berakhir semalam.

[FOTO ZAIN AHMED/BH]

mencapai matlamat.

Katanya, persidangan itu berjaya menghimpunkan ketua serta wakil syarikat, agensi kerajaan dan ahli akademik bagi berkongsi idea serta bekerjasama dalam

mengerakkan sektor bioteknologi ke arah dinamik, inovasi dan berdaya saing.

"Sambutan yang diterima amat menggalakkan sama ada dari rakyat tempatan atau dari

negara luar seperti Singapura.

"Ia menyediakan pelbagai peluang kepada peserta untuk membina rangkaian, meneroka kerjasama dan mempelajari perkembangan terbaru dalam indus-

tri berasaskan bio," katanya di sini, semalam.

Jadi pemangkin program ETP
Mohd Nazlee berkata, persidangan itu juga mampu menjadi pemangkin melengkapkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) menerusi Program Transformasi Bioekonomi untuk memberi penekanan dan menggalakkan pembangunan penyelidikan pada peringkat antarabangsa, sekali gus menyokong pembangunan industri bioteknologi.

"Sebanyak 40 topik persidangan berkaitan bioteknologi dan bioekonomi disampaikan oleh 60 penceramah dan moderator tempatan serta antarabangsa dengan dihadiri lebih 250 peserta sepanjang tiga persidangan ini berlangsung.

"Persidangan akan diadakan di Kuala Lumpur tahun depan, namun penganjuran di Johor Bahru memberi pengalaman amat baik terutama daripada segi penyertaan dan jalinan perniagaan," katanya.

Mengulas mengenai bioekonomi yang menjadi tumpuan penganjuran persidangan tahun ini, Mohd Nazlee berkata, sektor itu dijangka menyumbang lima peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020," katanya.

R&D perlu jadi teras majukan bioteknologi

Johor Bahru: Bidang Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) perlu dijadikan teras bagi memastikan sektor bioteknologi negara berkembang pesat dan mencapai matlamat sejajar dengan Program Transformasi Bioekonomi (BTP).

Angkasawan kedua negara, Mejar Dr Faiz Khaleed, berkata tidak dinafikan sektor berkenaan semakin mendapat perhatian di negara ini, namun pelbagai usaha masih perlu dilakukan terutama bagi menarik minat pelajar.

"Bioteknologi berkait rapat dalam kehidupan seharian kita dan sebagai contoh teknologi semakin canggih apabila kini orang ramai tidak lagi perlu memakai gigi palsu, sebaliknya sudah mempunyai kaedah terbaru seperti implan gigi.

"Kaedah terbabit sebenarnya dihasilkan menerusi bioteknologi dan di Malaysia kita masih tidak mempunyai teknologi berkenaan. Bayangkan jika kita mampu mencipta inovasi implan gigi berkenaan, sudah tentu ia dapat menjimatkan kos," katanya.



"Usaha mencipta teknologi terkini perlu dilaksanakan secara berterusan"

Dr Faiz Khaleed,
Angkasawan kedua negara

Golongan profesional perlu kreatif

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Persidangan dan Pameran BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA di sini, semalam.

Dr Faiz berkata, usaha mencipta teknologi terkini perlu dilaksanakan secara berterusan, malah golongan profesional seperti doktor atau jurutera perlu sentiasa kreatif dan tidak hanya tertumpu dalam menawarkan perkhidmatan saja.

"Doktor atau jurutera

mempunyai kepakaran tersendiri dan mereka seharusnya mempunyai pemikiran sebagai pereka-cipta kerana berurusan secara langsung dalam bidang masing-masing.

"Mungkin mereka boleh mencipta perkakas yang lebih efektif untuk melaksanakan kerja mereka dan tidak hanya menggunakan peralatan sedia ada," katanya.

Mengulas mengenai persidangan itu, beliau berkata ia adalah usaha yang amat baik dan sewajarnya diperluaskan dengan menarik lebih ramai penyertaan.

BiotechCorp jangka terima satu lagi pelaburan

Malaysia Biotechnology Corp (BiotechCorp) dijangka meraih satu lagi pelaburan untuk taman teknologi bio dan ekosistem, Bio-Xcell Park, di Nusajaya sebelum akhir tahun ini.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Dr Nazlee Kamal, berkata BiotechCorp juga berbin-cang dengan lain-lain syarikat teknologi bio mengenai pelaburan di taman itu tahun depan.

"Kami dijangka mengumumkan satu lagi pelaburan sebelum akhir tahun ini dan beberapa lagi pelaburan tahun depan. Saya tidak boleh memberitahu secara terperinci kerana ia masih dalam rundingan," katanya kepada media pada persidangan BioMalaysia dan BioEkonomi Asia-Pasifik 2013 di Johor Bahru, semalam.

Bio-XCell, yang terletak di Nusajaya, dibangunkan oleh Malaysian BioXCell Sdn Bhd di tapak seluas 32.37 hektar.

Pemaju utama Nusajaya, UEM Land Holdings Bhd, memegang 40 peratus ekuiti dalam Malaysian BioXCell, dan BiotechCorp, selebihnya.

Nazlee berkata, hanya dua parsel ditawarkan kini dan Bio-Xcell akan kehabisan ruang menjelang tahun depan susulan sambutan memberangsang daripada pelabur.

"Kami perlu berunding dengan UEM Land untuk memperoleh lebih banyak kawasan," katanya.

Selain daripada Agila Biotech dari India, syarikat bioteknologi lagi yang sudah melabur di Bio-Xcell Park adalah seperti Biocon dari India; MetE x dari Perancis dan Glycos Biotechnologies dari Amerika Syarikat (AS).

Mengenai persidangan itu yang berakhir semalam, beliau berkata, ia menarik lebih 5,000 pelawat.

Beliau berkata, beberapa urusan niaga dipersetujui bernilai sejumlah RM350 juta pada hari pertama saja.

BioMalaysia dan BioEkonomi Asia Pasifik 2014 akan diadakan di Kuala Lumpur.

FAKTA NOMBOR

RM350

juta

urusan niaga dipersetujui pada hari pertama



Rosmah Dahului Senarai Penerima Darjah Kebesaran Pahang

KUANTAN, 24 Okt (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor mengetuai senarai 644 penerima anugerah darjah dan pingat kebesaran sempena ulang tahun ke-83 Hari Keputeraan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada Khamis.

Beliau menerima anugerah Darjah Kerabat Seri Indera Mahkota Pahang Yang Amat Dihormati (DK), iaitu anugerah paling berprestij untuk orang awam.

Daripada jumlah itu, seramai 14 orang menerima Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Mereka ialah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan, Datuk Hasan Malek.

Menteri Sumber Manusia Datuk Richard Riot Anak Jaem, Hakim Mahkamah Persekutuan Datin Paduka Zaleha Zahari, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Adnan Md Ikhsan.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Datuk Alias Ahmad, Peguamcara Negara Datuk Idrus Harun, Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Syed Ismail Syed Azizan, Pengarah Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Wira Mortadza Nazarene.

Timbalan Ketua Bahagian Umno Kuantan, Datuk Ab Hamid Mohd Nazahar, Pengarah Urusan/Ketua Eksekutif Yayasan Felda Datuk Dr Emel Faizal Mohd Mokhtar, Ketua Pegawai Operasi Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi Lembaga Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali dan Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Kelantan, Afandi Hamzah.

Seramai lima individu menerima Darjah Sri Indera Mahkota Pahang (SIMP) yang membawa gelaran Datuk.

Mereka ialah Pengarah Kerja Raya Negeri Pahang, Datuk Ir Rosman Yahya, Pengarah Pembangunan Negeri Pahang, Datuk Dzul-Kifly Osman, Pengurus Besar/Ketua Eksekutif Bursa Malaysia Berhad, Datuk Tajuddin Atan.

Ketua Pusat Jantung Dan Paru-Paru, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datuk Mohd Ramzisham Abdul Rahman dan Pengerusi Merangkap Pro Canselor Universiti Kuala Lumpur, Datuk Dr Adham Baba.

Seramai 13 lagi dianugerahi Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) yang turut membawa gelaran Datuk.

Antaranya ialah Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ismail Mohamed Said, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Ismail Abd Muttalib, Anggota Parlimen Paya Besar, Datuk Abdul Manan Ismail, Ketua Pengarah Arkib Negara, Daresah Ismail.

Penasihat Pertahanan Malaysia, Mejar Jeneral Datuk Pahlawan Mohd Razif Idrus, Timbalan Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri, Tan Yew Chong, Pengarah Kesihatan Pahang, Dr Norhizan Ismail.

Pengurus Besar Kanan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Suhaimi Ali Hanafiah, Naib Presiden Telekom Malaysia, Mohd Rais Azhar dan Presiden dan [Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Dr Zainal Abidin Mohd Yusof.](#)

Seramai 90 individu menerima Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang juga membawa gelaran Datuk.

Antaranya ialah Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Pahang, Norol Azali Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas Pahang, Syed Ibrahim Syed Ahmad.

Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Lepar, Mohd Shohaimi Jusoh, ADUN Kemayan, Mohd Fadil Osman, ADUN Jengka, Wan Salman Wan Ismail, ADUN Pulau Manis, Khairuddin Mahmud.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pahang, Mohd Zakaria Ahmad, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Abdul Rahman Mohamad.

Pegawai Khas Menteri Besar Pahang, R.Goonasekaran, Pegawai Perubatan Pakar Obstetrik dan Ginekologi, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Dr Rozihan Ismail, Timbalan Komisioner Penjara, Kompleks Penjara Bentong, Abdul Aziz Abdul Razak, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) Jabatan HEP dan Alumni Universiti Malaysia Pahang, Yuserrie Zainuddin, Pengarang Utusan Malaysia, Mohd Hassan Mohammed Noor dan Pengarang Kosmo, Baharom Mahusin.

Sultan Ahmad Shah turut berkenan menganugerahi Darjah Setia Ahmad Shah Pahang (SAP) kepada 34 penerima, Darjah Setia Mahkota Pahang (SMP) kepada 41 penerima, Ahli Ahmad Shah Pahang (AAP) kepada 49 penerima dan Ahli Mahkota Pahang (AMP) kepada 146 penerima.

Selain itu, 55 orang dianugerahi Pingat Khidmat Cemerlang (PKC), Pingat Gagah Perwira kepada dua penerima, Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) kepada 107 penerima dan 87 penerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK).

Majlis penyampaian anugerah darjah dan pingat kebesaran akan diadakan di Balairung Sri Istana Abu Bakar, Pekan pada 9 pagi.

-- BERNAMA

643 terima darjah, pingat Pahang

» Tengku Datuk Idris ketuai senarai penerima hari ini

Oleh Irwan Shafrihan Ismail
irwansha@bh.com.my

► Kuantan

Adinda Sultan Pahang, Tengku Datuk Idris Sultan Abu Bakar mengetuai senarai 643 penerima darjah kebesaran dan pingat negeri sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Ke-83 Sultan Ahmad Shah, hari ini.

Beliau adalah antara 15 penerima Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Penerima lain ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Tan Sri Joseph Kurup; Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hasan Malek dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot Jaem.

Hakim Mahkamah Persekutu-

an, Datin Paduka Zaleha Zahari; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Adnan Md Ikhsan; Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Alias Ahmad; Peguamcara Negara, Datuk Idrus Harun; Pengarah Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Datuk Syed Ismail Syed Azizan dan Pengarah Pengurusan Bukit Aman, Datuk Mortadza Nazarene.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kuantan, Datuk Hamid Mohd Nazahar; Pengarah Urusan Yayasan FELDA, Datuk Dr Emel Faizal Mohd Mokhtar; Ketua Pegawai Operasi (Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi) Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali dan Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) Kelantan, Afandi Hamzah.

Terima gelaran Datuk

Bagi Darjah Sri Indera Mahkota Pahang (SIMP) yang membawa gelaran Datuk pula, lima penerima adalah Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pahang, Datuk Ir Rosman Yahya; Pengarah Pembangunan Negeri Pahang, Datuk Dzulkiyfly Osman; Pengurus Besar Bursa Malaysia, Datuk Tajuddin Atan; Ketua Pusat Jantung dan Paru-Paru Pusat Perubatan Uni-

versi Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Mohd Ramzisham Abdul Rahman dan Pengerusi Universiti Kuala Lumpur, (UniKL), Datuk Dr Adham Baba.

Seramai 13 penerima Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) yang juga membawa gelaran Datuk termasuk Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ismail Mohamed Said; Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Ismail Abd Muttalib; Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Abdul Manan Ismail dan Ketua Pengarah Arkib Negara, Daresah Ismail.

Penasihat Pertahanan Negara, Mejar Jeneral Datuk Mohd Razif Idris; Timbalan Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta JPM, Tan Yew Chong; Pengarah Jabatan Kesihatan Pahang, Dr Norhizan Ismail; Pengurus Besar Kanan Tenaga Nasional Berhad, Suhaimi Ali Hanafiah; Naib Presiden Telekom Malaysia, Mohd Rais Azhar dan Presiden SIRIM Berhad, Zainal Abidin Mohd Yusof.

Sementara itu, 90 individu dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang turut membawa gelaran Datuk antaranya Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri, Norol Azali Sulaiman, Pengerusi Jawa-



Kamarudin Mat Ali



Jamal Abdillah



Mohd Hassan Mohammed Noor



Baharom Mahusin

tankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-Tugas Khas negeri, Syed Ibrahim Syed Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lepar, Mohd Shohaimi Jusoh, ADUN Kemayan, Mohd Fadil Osman, ADUN Jengka, Wan Salman Wan Ismail dan ADUN Pulau Manis, Khairuddin Mahmud.

Jamal, Rossa terima DIMP

Turut menerima anugerah DIMP ialah penyanyi terkenal, Jamal Abdillah atau nama sebenarnya

Jamal Ubaidillah Ali; penyanyi popular dari Indonesia, Rossa atau nama sebenarnya Sri Rossa Roslani Handiyani dan dua pengamal media iaitu Mohd Hassan Mohammed Noor (Pengarang Utusan Malaysia) dan Baharom Mahusin (Pengarang Kosmo).

Selain itu, 34 menerima darjah Setia Ahmad Shah Pahang (SAP), 41 Setia Mahkota Pahang (SMP), 49 Ahli Ahmad Shah Pahang (AAP) dan 146 menerima Ahli Mahkota Pahang (AMP).

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (VARSITI INOVASI) : MUKA SURAT V6
TARIKH: 24 OKTOBER 2013 (KHAMIS)

INFO

Kelebihan parket
sabut kelapa

- Daya ketahanan tinggi
- Kalis air
- Kos penyelenggaraan lebih rendah
- Tahan serangan anai-anai

Parket sabut kelapa alternatif kemasan lantai



Shah Alam: Pengkomersialan sabut kelapa berpotensi diperluas menerusi inovasi parket lantai yang diketengahkan empat pelajar Diploma Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Menggunakan serat sabut kelapa, mereka berjaya menghasilkan parket yang memiliki ciri ketahanan tinggi dan kalis air sebagai alternatif kemasan lantai bagi bangu-

nan serta rumah.

Pelajar terbabit ialah Norshahidah Zulkifli selaku ketua kumpulan, Nadzirah Salihah Mohamed Isa, Maziah Mohd Salman dan Nur Nazahah Abu Bakar.

Norshahidah berkata, serat sabut kelapa terbabit dikisar halus menggunakan mesin khas sebelum dicampur dua bahan aktif yang bertindak sebagai pengikat.

Beliau berkata, campuran bahan itu menjadikan parket lebih kukuh berbanding parket kayu sedia ada di pasaran yang mudah rosak dan berisiko terdedah kepada serangan anai-anai.



Maziah (kiri), Nur Nazahah, Norshahidah (dua dari kanan) dan Nadzirah Salihah bersama-sama hasil inovasi mereka menggunakan sabut kelapa.

Ujian kalis api

"Ketahanan parket sabut kelapa diuji menerusi beberapa ujian, termasuk rendaman air selama sehari yang keputusan mendapati kadar penyerapan air rendah, iaitu 0.125 peratus berbanding 0.783 peratus bagi parket kayu.

"Kelebihan itu menjadikan parket ini kalis air dan memiliki daya ketahanan lebih lama, sementara parket kayu memerlukan kos penyeleng-

garan tinggi," katanya.

Norshahidah berkata, kejayaan inovasi itu secara langsung turut menyumbang ke arah mempromosi semula penggunaan parket berikutan industri reka bentuk dalaman ketika ini lebih cenderung memilih jubin sebagai bahan kemasan lantai.

Bercirikan inovasi hijau, Norshahidah yakin parket sabut kelapa berpotensi dikedepankan dalam pasaran

secara meluas pada masa depan memandangkan belum ada inovasi sedemikian sebelum ini.

"Penyelidikan susulan akan dijalankan bagi menambah baik inovasi ini, termasuk melakukan ujian kalis api bagi mengukuhkan lagi ciri ketahanannya. Usaha ini antara pendekatan bagi mengkomersialkannya sejajar perkembangan sektor pembinaan negara masa kini," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (VARSITI INOVASI) : MUKA SURAT V6
TARIKH: 24 OKTOBER 2013 (KHAMIS)

Teknologi navigasi untuk OKU penglihatan

Oleh Nuril Mutmainnah Roslan
bhvarsiti@bh.com.my

► Shah Alam

Sekumpulan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), berjaya mencipta teknologi baharu yang membantu pergerakan orang cacat penglihatan menggunakan arahan suara.

Teknologi navigasi itu yang dikenali sebagai 'NaviSense' juga berfungsi mengesan objek di sekeliling melalui rekaan sarung tangan dilengkapi sistem sensor, sekali gus memberi kemudahan bermakna kepada golongan terbabit.

Juara keseluruhan Pengurus kumpulan berkenaan, Azwan Abdullah,




Teknologi 'NaviSense' ciptaan pelajar UiTM membantu pergerakan golongan cacat penglihatan.

berkata inovasi itu terbukti memberi impak signifikan apabila dinobatkan juara keseluruhan Pertandingan Reka Bentuk Bagi Cacat Penglihatan (DCVI) 2013 Peringkat Asia Pasifik di Hong Kong, baru-baru ini.

Pertandingan itu yang berlangsung di Hong Kong Polytechnic University, disertai 60 kumpulan dari 28 negara Asia Pasifik, termasuk China, Korea Selatan, Korea Utara, India dan Hong Kong.

Lebih menarik, DCVI 2013 anjuran Institusi Jurutera Mekanikal (IMechE) dan UK Trade and Investment turut dimeriahkan dengan kehadiran 60 peserta cacat penglihatan yang mencuba hasil inovasi



Pasukan UiTM yang menjadi juara keseluruhan pertandingan DCVI 2013 peringkat Asia Pasifik di Hong Kong.

“**KEJAYAAN TEKNOLOGI INI ADALAH SUATU YANG BAHARU KEPADA ORANG KELAINAN UPAYA TERBABIT**”

Azwan Abdullah,
Pengurus kumpulan

pencabar peringkat akhir.

Tiga bulan

"Inovasi 'NaviSense' mendapat sokongan penuh Persatuan Orang Buta Malaysia dan dibangunkan hasil maklum balas kepada permasalahan dibangkitkan golongan cacat penglihatan yang sebelum ini hanya bergantung kepada penggunaan tongkat untuk membantu pergerakan.

"Kejayaan teknologi ini adalah suatu yang baharu kepada orang kelainan upaya (OKU) terbabit," katanya.

Azwan yang dibantu empat rakan lain mengakui kerjasama dan komitmen menyiapkan projek berkenaan selama tiga bulan menjadi resipi mereka meraih kejayaan besar itu.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (BUSINESS) : MUKA SURAT 33
TARIKH : 23 OKTOBER 2013 (RABU)



Pembudayaan sains dan inovasi



Muhammad Aziph Mustapha (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang sempena Pertandingan Perkaya Inovasi Politeknik Merlimau Melaka (PMM) di Jasin, Melaka, baru-baru ini.

JASIN 22 Okt. - Politeknik Merlimau Melaka (PMM) terus menggerakkan agenda pembangunan negara menerusi pembudayaan sains dan inovasi dalam kalangan pelajarannya dengan mengadakan Perkaya Inovasi 2013 di Dewan Platinum di sini baru-baru ini.

Ketua Pegawai Operasi Yayasan Inovasi Malaysia, Muhammad Aziph Mustapha Kamil berkata, usaha yang dilaksanakan oleh PMM itu sewajarnya dipuji selaras dengan hasrat kerajaan bagi membudaya dan mengamalkan inovasi di segenap lapisan masyarakat.

Katanya, penglibatan dari semua pihak juga perlu dalam mencetuskan inovasi yang dilihat mampu memberikan impak positif ke atas sosioekonomi negara.

"Inovasi merupakan satu usaha yang berterusan dan pelaksanaan program ini bukan sahaja perlu digiatkan, malah mendapat iktiraf dan hasil inovasi ini mampu

diketengahkan untuk dikongsi demi kepentingan bersama.

"Kita berharap pelajar-pelajar tidak akan berhenti untuk terus mencipta inovasi, sekali gus menjadikan politeknik sebagai gedung ilmu yang mencambah dan mencetuskan inovasi melalui produk atau perkhidmatan yang dihasilkan.

"Peranan politeknik turut dilihat mampu melahirkan hasil penyelidikan dan inovasi yang boleh menjana ekonomi dan manfaat kepada negara dan masyarakat sejagat, selain memenuhi kehendak pasaran dalam membekalkan pekerja industri yang berdaya kemahiran tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam penutupan dan penyampaian hadiah Perkaya Inovasi 2013 di sini baru-baru ini.

Perkaya Inovasi 2013 merupakan acara pertandingan inovasi yang disertai 46 kumpulan daripada bidang kejuruteraan dan sains sosial melibatkan lima jabatan iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Perdagangan serta Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.

Program anjuran Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPIK) itu turut mengumpulkan 46 produk inovasi terbaik dari semua jabatan untuk dipertandingkan bagi memilih pemenang Anugerah Khas Inovasi dan Anugerah Khas Juri mengikut kategori teknikal dan sains sosial serta Anugerah Khas Pengarah.